

08/01/1997

Tuduhan nusyuz mesti ada bukti kukuh

BUKAN sekali tetapi sudah acap kali benar mendengar kisah wanita yang memohon perceraian terpaksa menunggu bertahun-tahun berikutan kegagalan suami mereka hadir di Mahkamah mengakibatkan mereka digantung tak bertali.

Sehubungan itu, Noor Faridah Ariffin mewakili Persatuan Peguam Peguam Wanita membentangkan beberapa syor bagi memastikan hak dan kebajikan wanita terpelihara termasuk memansuhkan sebutan nusyuz dalam ayat seksyen 65 (1).

Katanya, jika sesuatu tuduhan nusyuz dibuat terhadap isteri oleh suaminya, tuduhan itu mesti dikemukakan dalam Mahkamah dengan bukti kukuh. Beliau juga berkata bagi mengelakkan kemungkinan tuduhan palsu dibuat mengenai perbuatan sumbang seseorang isteri oleh pihak suami, beban membuktikan tuduhan patut terletak kepada suami dan Mahkamah patut membuat keputusan hanya selepas berpuashati tuduhan itu dibuktikan sehingga tiada keraguan munasabah.

Syor itu juga diterima oleh semua peserta Bengkel Reformasi Undang-Undang Keluarga Islam Serta Pelaksanaan Dan Pentadbirannya yang dirasmikan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Sabtu lalu.

Bengkel anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) bersama Persatuan Peguam-Peguam Wanita Malaysia dan Sisters In Islam membincangkan draf memorandum dan cadangan tambahan untuk mengemaskinikan memorandum yang akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Perceraian, Pelaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam dan Poligami.

Antara syor lain yang diterima berhubung bahagian perceraian ialah:

- * Peruntukan penalti di bawah seksyen 125 Akta dipinda supaya penalti lebih berat dikenakan bagi kesalahan melafazkan talak di luar Mahkamah di bawah seksyen ini.

- * Penalti yang dicadangkan ialah denda minimum RM1,000 dan penjara tidak kurang empat minggu.

- * Denda maksimum seharusnya dinaikkan kepada RM5,000 dan hukuman penjara maksimum dipanjangkan daripada enam bulan kepada satu tahun. Suami yang melafazkan talak tanpa kebenaran Mahkamah patutlah dianggap sebagai menceraikan isterinya tanpa sebab sepatutnya dan dengan itu pihak isteri berhak mendapat mutaah.

- * Mengenai kes isteri ditinggalkan langsung oleh suami, Mahkamah patut mengiklankan permohonan cerai taklik itu dan jika selepas tempoh tiga bulan pihak suami masih tidak hadir, perintah perceraian patut diberi.

- * kes pihak suami gagal memberi nafkah, sekiranya pihak isteri membawa dua orang saksi, lelaki ataupun perempuan untuk memberi keterangan bahawa dia tidak diberi nafkah bagi tempoh yang disyaratkan dalam surat taklik, mahkamah seharusnya memberi perintah perceraian.

- * Bagi mengelakkan keadaan terpaksa menjalani beberapa proses damai yang bertindih, Mahkamah diberi kuasa hanya untuk melantik dua Hakam mengikut seksyen 48(1) bagi tujuan menimbangtara antara pihak suami dan isteri. Kedua-dua Hakam ini juga seharusnya diberi kuasa dari awal untuk memerintahkan perceraian sekiranya mereka gagal mendamaikan pasangan suami isteri.

- * Meminda akta supaya memasukkan garis panduan yang lebih jelas dan terperinci untuk menentukan jumlah yang berpatutan bagi mutaah dalam sesuatu kes tertentu mengikut hal keadaan pihak terbabit. Faktor yang

patut diambilkira termasuk pendapatan dan kewangan dan tempoh perkahwinan dan hal berkaitan perceraian itu.

(END)